



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 6/1975**

*Bayaran Ukur Bagi Kerja-kerja Yang Diperlukan Oleh Seksyen 25(1)
Akta Pengambilan Tanah, 1960*

Pekeliling ini dikeluarkan bagi menasihati Pemungut-pemungut berkenaan tuntutan bayaran upah ukur untuk kerja-kerja mengukur baki tanah selepas pengambilan balik,. Seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 25(1) Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960

2. Tuntutan bayaran ukur adalah dibuat menurut kuatkuasa seksyen-seksyen yang berikut di dalam Kanun Tanah Negara :

- | | | | |
|-----|-----------------|---|------------------|
| (a) | pemberian milik | - | seksyen 81(1)(c) |
| (b) | pecah sempadan | - | seksyen 138(4) |
| (c) | pecah bahagian | - | seksyen 143(4) |
| (d) | cantuman | - | seksyen 149(4) |
| (e) | pecah sempadan | - | seksyen 154(2) |
- bangunan

Jika bayaran ukur tidak dikenakan peruntukan undang-undang seperti di dalam seksyen-seksyen 354(4) Kanun Tanah Negara akan diadakan.

3. Di bawah seksyen 25(1) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, kerja-kerja mengukur bahagian tanah yang tidak diambil balik itu mestilah dijalankan supaya membolehkan penyediaan, pendaftaran dan pengeluaran satu hakmilik sambungan yang baru. Menurut seksyen 202(3) Kanun Tanah Negara, apabila sesuatu bahagian tanah milik diserahkan balik (surrendered), Pemungut mestilah

mengambil tindakan untuk memastikan bahawa bahagian yang tidak diserahkan balik itu diukur bagi tujuan mengeluarkan hakmilik sambungan. Bagi kedua-dua kes yang tersebut, tuannya tidaklah sepatutnya dikenakan bayaran ukur dan yang demikian kerja mengukur hendaklah dijalankan dengan percuma. Oleh sebab inilah maka kadar bayaran tidak dibekalkan di bawah Perintah (Bayaran Ukur) Kanun Tanah Negara, 1965. Memandangkan kepada kedudukan perkara ini bayaran bagi penyediaan pelan surat milik dan bayaran harga batu sempadan adalah juga dikecualikan.

4. Pemunagut adalah dinasihatkan bahawa upah ukur, harga batu sempadan, dan bayaran penyediaan pelan surat milik tidaklah sepatutnya dikenakan sekiranya tanah itu diukur menurut kehendak seksyen 25(1) Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 252/6-18
Kuala Lumpur,
April, 1975